

17/04/1997

Akaun Wanita: Bukan cari silap siapa

BEKAS Ketua Wanita Umno, Datuk Seri Rafidah Aziz, sejak awal lagi menegaskan beliau tidak harus dibabitkan dalam penyiasatan akaun pergerakan itu seperti diarahkan oleh Majlis Tertinggi (MT) Umno. Baginya walaupun penyiasatan itu wajar diadakan supaya diketahui keadaan sebenarnya berlaku, menteri itu beranggapan ia tidak membabitkan pengurusan kewangan pentadbiran lama sebaliknya pucuk pimpinan baru yang mengambil alih pergerakan itu.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman pula berpendapat aduan mengenai akaun pergerakan itu perlu dibuat berdasarkan beberapa kekeliruan dan masalah pengendaliannya. Manakala menurut Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, masalah akaun Wanita Umno yang kini disiasat, berpunca daripada peralihan pentadbiran yang tidak licin.

Sejak MT mengarahkan siasatan dibuat terhadap akaun itu Ahad lalu, Rafidah dan Dr Siti Zaharah sudah mula berbalas kenyataan dan dakwaan berhubung perkara itu. Sebagaimana yang kita tegaskan, tindakan Umno mengarahkan siasatan terhadap akaun kewangan itu menunjukkan komitmen pemimpin tertinggi parti berusaha mengikiskan segala gejala buruk dan penyelewengan jika ia berlaku. Semua ini membuktikan Umno tidak berselindung dalam sebarang keadaan sekalipun. Jika ada aduan dan difikirkan siasatan perlu dijalankan, ia perlulah dilaksanakan. Seharusnya tujuan murni itu tidak disalah tafsir bahawa ia dibuat kerana bertujuan menjatuhkan sesiapa.

Kita juga yakin jawatankuasa penyiasat yang dipertanggungjawabkan akan cuba melakukan kerja mereka paling sempurna yang mungkin. Pasti kita mengharapkan penyiasatan dijalankan dengan cara paling adil tanpa memihak kepada mana-mana pihak.

Lantaran itu, sehingga menanti penyiasatan selesai, balas membalas kenyataan, cuba mencari silap dan salah di antara tokoh wanita itu bukanlah cara yang baik sehingga Datuk Seri Anwar Ibrahim terpaksa mengarahkan kedua-duanya menghentikan debat awam berhubung masalah itu.

Kita berharap teguran yang sangat tepat dan wajar itu mesti dipatuhi mereka yang berkenaan. Presiden parti sendiri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika mengumumkan keputusan mesyuarat MT itu, pun ada menjelaskan bahawa MT menyerahkan kes itu kepada Bendahari Umno, Tun Daim Zainuddin bagi mengetuai siasatan. Oleh itu kita tidak nampak perlunya sama ada Dr Siti Zaharah mahu pun Rafidah, terus berdebat menegaskan kebenaran masing-masing berhubung kes itu.

Bukanlah menjadi rahsia lagi bahawa wujud perbezaan pandangan antara Rafidah dan Dr Siti Zaharah sebelum pemilihan pucuk pimpinan pergerakan itu mahupun selepas itu. Tetapi untuk masa depan pergerakan itu dan kebaikan Umno khususnya, jalan penyelesaian masalah sebegini harus dicari dalam suasana harmoni. Kita melihat perdebatan itu bukan suatu yang cara sihat sebaliknya mengundang keadaan yang semakin keruh. Dengan menggunakan media sebagai gelanggang berdebat, ia bukan sahaja menampakkan jurang pertelagahan pendapat kedua-dua mereka semakin melebar malah kita bimbang akan keluar pula dakwaan yang mungkin tidak benar dan boleh menjejaskan imej Wanita sendiri. Malah kita lebih khuatir jika perdebatan yang berterusan itu disalahtafsirkan pula oleh ahli sehingga mereka membuat kesimpulan sendiri siapa yang bersalah dalam hal ini.

Rafidah sebagai bekas ketua, mahu pun Dr Siti Zaharah yang mengemudikan

pergerakan itu, sewajarnya mengetepikan emosi yang keterlaluan kerana sebagai pemimpin yang ikhlas membela nasib anggotanya, kita mempunyai agenda yang lebih penting, untuk diselesaikan, bukannya terus bersikap salah menyalah antara mereka. Kita berharap, kedua-dua mereka patuh kepada arahan Timbalan Presiden itu. Penyiasatan akan lebih mudah dan dapat disiapkan cepat jika kedua-duanya sanggup memberi kerjasama kepada badan yang menyiasat. Peralihan pentadbiran yang licin di antara ketua lama dan ketua baru bukannya satu alasan mengapa masalah itu berlaku. Ia lebih memperlihatkan kelemahan pergerakan itu sendiri. Namun, apa juga hasil siasatan nanti, ia perlu diterima secara terbuka walaupun mungkin pedih dan boleh menjejaskan kerjaya politik mereka yang terbabit.

Apa yang lebih penting keputusan siasatan dapat dijadikan iktibar kepada Pergerakan Wanita bagi memastikan pengurusan pengendalian akaun mereka akan lebih teratur pada di masa depan. Pengurusan berhati-hati serta cekap mencerminkan kepemimpinan Wanita sentiasa peka, amanah dan komited dalam apa juga tanggungjawab yang diberikan oleh parti.

(END)